

# Pertemuan Dr. Mahathir-Pope sejaj

UM 25 MAY 2002

KUALA LUMPUR 24 Mei — Pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan pemimpin tertinggi Katholik, Pope John Paul adalah sejajar dengan tuntutan Islam yang mahu kan umatnya sentiasa berdialog dan bertukar-tukar pandangan dengan penganut pelbagai kepercayaan.

Sambil menyambut baik

cadangan pertemuan itu, Presiden Pergerakan Keadilan Sedunia (Just), Dr. Chandra Muzaffar berkata, ia juga akan menguatkan lagi hubungan antara penganut Islam dengan Katholik sama ada di negara ini atau peringkat antarabangsa.

“Perdana Menteri dan Pope bukan sahaja berpeluang untuk berdialog me-

ngenai isu keagamaan tetapi juga keadaan politik, ekonomi dan sosial antarabangsa,” katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini, hari ini.

## Berpengaruh

Dr. Mahathir sebagai pemimpin berpengaruh dan berpendirian sederhana dalam dunia Islam hari ini dilaporkan dijangka

bertemu dengan Pope di Vatican atas jemputan Pope sekitar 9 hingga 12 Jun, ketika beliau mengadakan lawatan ke Switzerland dan Luxembourg.

Menurut Chandra, melindungi hak bukan Islam adalah prinsip asas dalam ajaran Islam seperti yang diamalkan di negara ini.

“Pope pasti mahu mengetahui daripada pemim-

## ar dengan tuntutan Islam

pin negara ini bagaimana orang Islam dan Katholik boleh hidup bersama dalam keadaan yang harmoni,” katanya.

### Rasulullah

Menurut beliau, Rasulullah sendiri pernah mengadakan perjanjian iaitu Perjanjian Najran yang melindungi hak penganut Kristian.

Selain itu, katanya, para cendekiawan Islam seperti Abu Rahyan Al-Biruni yang mencontohi Rasulullah, juga telah mengadakan dialog dengan Yahudi dan Nasrani untuk lebih memahami antara satu sama lain.

“Adalah penting bagi kedua-dua pemimpin (Dr. Mahathir dan Pope) yang berlainan latar belakang

berbincang mengenai cabaran kritikal masa kini yang dihadapi oleh dunia. Cabaran itu memberi kesan kepada semua orang,” katanya.

Pertemuan kedua-dua pemimpin itu, kata beliau lagi, dilihat sebagai satu permulaan yang utuh bagi menguatkan hubungan antara penganut kedua-dua agama.